

## GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHARU LESEN INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN (ILP)

### 1. Syarat-syarat permohonan bagi lesen Institut Latihan Pelancongan (ILP)

- a) Pemohon mestilah sebuah **Syarikat Sendirian Berhad** yang telah diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 2016**.
- b) Modal berbayar minimum ialah:

Lokasi	Modal Berbayar
Bandaraya/Bandar	RM200,000.00
Luar Bandar	RM100,000.00

**Nota:**

- (1) Kategori Bandar jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.
  - (2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.
- c) Jumlah pegangan modal saham berbayar: **Ekuiti Asing dihadkan kepada maksima 30%**.
  - d) Nama Syarikat yang digunakan oleh syarikat hendaklah sesuai dan **melambangkan sebuah Insitut Latihan Pelancongan**.
  - e) Permohonan hendaklah dibuat secara **atas talian (online)** melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my).

### 2. Fi Proses

**Fi proses** adalah sebanyak **RM100.00** bagi setiap permohonan dalam bentuk bank draf / kiriman wang / wang pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara atas talian (*online*) ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)).

### 3. Tempoh sahlaku lesen adalah **3 tahun**.

#### 4. **Fi Lesen**

**Fi lesen** adalah sebanyak **RM1,500.00** (3 tahun pertama) hendaklah dikemukakan selepas permohonan lulus, dalam bentuk bank draf / wang kiriman pos / wang pos di atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara atas talian (*online*) ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)).

#### 5. **Dokumen-dokumen yang perlu disertakan (muat naik) bagi permohonan lesen Institut Latihan Pelancongan (ILP)**

- a) **Satu (1)** Salinan Akta Syarikat 2016 yang telah disahkan benar oleh Pejabat Pendaftar Syarikat
- b) **Satu (1)** Salinan dokumen Seksyen 31 (Memorandum dan Tataurusuan Syarikat)
- c) **Satu (1)** Salinan dokumen Seksyen 17 (*Certificate of Incorporation*)
- d) **Satu (1)** Salinan dokumen Seksyen 28 (*Change of Name of Company*)
- e) **Satu (1)** Salinan dokumen Seksyen 78 (*Returned of Allotment*)
- f) **Satu (1)** Salinan dokumen Seksyen 105 (*Requirement for instrument of transfer*)
- g) **Satu (1)** Salinan dokumen Seksyen 58 (*Duty to notify of particulars and changes of Directors, Managers and Secretary*)

Nota: Satu (1) Salinan e-Info syarikat perlu dikemukakan bersama

- h) **Satu (1)** Salinan maklumat akaun bank syarikat termasuk *Director Resolution* (yang diserahkan semasa pengambilan lesen)
- i) Pengalaman Lembaga Pengarah dan Tenaga Pengajar beserta sokongan dan pengesahan bekas majikan
- j) Jenis kursus dan silibus yang ditawarkan (Lampiran contoh – contoh silibus / modul yang akan ditawarkan)

#### **\*NOTA:**

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan fail Kementerian ini (jika ada) hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang bank draf/kiriman wang/wang pos berkenaan.

#### 6. **Maklumat Penubuhan Institusi Latihan Pelancongan (ILP)**

- 6.1 Syarat-syarat penyediaan ruang premis adalah sekurang-kurangnya **3,000 kaki persegi** (jika keluasan bangunan tidak memenuhi syarat minimum keluasan pemohon boleh menggunakan beberapa premis dalam

lingkungan 500 meter untuk mencukupi ketetapan saiz minimum) dengan syarat tidak menjejaskan keluasan semua kemudahan asas pembelajaran yang sesuai untuk keselesaan pelajar.

6.2 Premis hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya:-

- **Ruang Pejabat**
- **Bilik Kuliah**
- **Perpustakaan / Sudut Bacaan / Kemudahan Asas yang bersesuaian sebagai institusi latihan**
- **Pemilikan lot premis tidak berkongsi dengan perniagaan-perniagaan lain**

6.3 ILP disyaratkan menganjurkan **sekurang-kurangnya 6 kali kursus setahun** meliputi kursus latihan kemahiran yang berkaitan dengan industri pelancongan yang diiktiraf oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

6.4 ILP tidak boleh menganjurkan kursus di luar premis yang dilesenkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan.